


PEMILIHAN PEGAWAI KADET LEPASAN IJAZAH (GRADUAN) TAHUN 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4402-pemilihan-pegawai-kadet-lepasan-ijazah-graduan-tahun-2019

KUALA LUMPUR, 18 Jan 19 - Pemilihan Pegawai Kadet Lepas Ijazah (Graduan) tahun 2019 telah diadakan serentak pada 11 Jan 19 sehingga 15 Jan 19 bertempat di tiga lokasi iaitu Markas Staf Stesyen (Taiping), Markas Staf Stesyen (Kluang) dan Markas Staf Stesyen Desa Pahlawan (Kelantan).



Seramai 461 calon lelaki telah dipanggil ke lokasi berkenaan setelah melakukan pendaftaran melalui laman sesawang Jom Masuk Tentera dibawah seliaan Cawangan Tenaga Kerja (CTK).



Antara ujian yang dijalankan kepada calon ialah saringan awal kesihatan, ujian bertulis, ujian pengucapan awam, larian 3.2 km, Air Aptitude Test dan Lembaga Awal.



Calon-calon yang berpotensi bagi kemasukan Pegawai Kadet Lepas Ijazah (Graduan) bagi TUDM akan dikenalpasti dan seterusnya dibawa ke Lembaga No.3 (Tiga Khidmat).

Selain itu, pemilihan ini juga turut dijalankan di lokasi lain serentak mulai 24 Jan 19 sehingga 27 Jan 19 iaitu di MALBATT Village, Transit Kota Kinabalu dan Transit Kuching yang melibatkan calon lelaki dan calon wanita.



Pemilihan ini turut disertai oleh wakil TUDM dari Bahagian Sumber Manusia (MTU-BSM) dan Sekolah Latihan Pegawai (SLP).



